



## **Pembelajaran Interaktif dalam Pengajaran Bahasa Arab Tahun 1 Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA): Satu Tinjauan Literatur**

### **Interactive Learning for Teaching Arabic Language of Year 1 in Al-Quran and Fardhu Ain (KAFA) class: A literature review**

**Nurul Fathinah Ahmad Yusoff<sup>1</sup>, Zarima Mohd Zakaria<sup>2</sup>**

#### **Article Info**

##### *Article history:*

Received: 22/02/2024

Accepted: 10/09/2024

Published: 30/10/2024

##### *DOI:*

[https://doi.org/10.33102/alaazkiya\\_a81](https://doi.org/10.33102/alaazkiya_a81)

<sup>1</sup>(Corresponding Author) Graduate Research Assistant, Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

E-mail: [m20222002251@upsi.edu.my](mailto:m20222002251@upsi.edu.my)

<sup>2</sup>Senior Lecturer, Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

E-mail: [zarima@fbk.upsi.edu.my](mailto:zarima@fbk.upsi.edu.my)

#### **ABSTRAK**

Kaedah Pembelajaran interaktif digunakan sebagai pendekatan terkini dalam dunia pendidikan 5.0. Elemen ketertarikan dan menyeronokkan yang terdapat dalam kaedah pembelajaran interaktif ini amat sinonim dengan perkembangan murid-murid di pelbagai tahap pendidikan lebih-lebih lagi pendidikan rendah yang melibatkan murid-murid yang berumur 7 hingga 12 tahun. Hal ini demikian kerana murid-murid di sekolah rendah kebiasaannya lebih tertarik kepada cara pengajaran yang bersifat interaktif yang mampu merangsang perhatian fokus, semangat dan motivasi mereka untuk terlibat dalam aktiviti pengajaran guru. Bagi mengkaji penggunaan pembelajaran interaktif yang menggabungkan beberapa pendekatan pembelajaran yang menarik seperti pembelajaran berasaskan permainan, pembelajaran berpusatkan pelajar, pembelajaran koperatif, dan pembelajaran aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Arab tahun 1 Kelas Al-Quran dan Fardhu 'Ain (KAFA), kajian ini dijalankan dalam bentuk tinjauan literatur. Hasil penggunaan modul interaktif daripada kajian-kajian lepas telah dianalisis untuk melihat sejauh mana keberkesanannya pada tahap pendidikan yang pelbagai.

**Kata Kunci:** Pendekatan Pembelajaran Interaktif, Modul Pengajaran, Bahasa Arab, Kurikulum Kelas Al-Quran Dan Fardhu 'Ain (KAFA), Tinjauan Literatur

## ABSTRACT

Interactive learning is used as the latest approach in the world of education 5.0. The element of interest and fun found in this interactive learning method is synonymous with the development of students at various levels of education, especially primary education involving students aged 7 to 12 years. As a result, students in primary schools are usually more interested in interactive teaching methods that can stimulate their focus, enthusiasm and motivation to get involved in the teacher's teaching activities. In order to study the use of interactive learning that combines several interesting learning approaches such as game-based learning, student-centered learning, cooperative learning, and active learning in the teaching and learning process (PdP) of Arabic language year 1 Al-Quran and Fardhu 'Ain Class (KAFA) , this study was conducted in the form of a literature review. The results of the use of interactive modules from past studies have been analyzed to see how effective they are at different levels of education.

**Keywords:** Interactive Learning Approach, Teaching Module, Arabic Language, Kelas Al-Quran Dan Fardhu 'Ain Curriculum, Literature Review

## PENGENALAN

Bahasa Arab menjadi satu mata pelajaran yang diperuntukkan dalam kurikulum Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA). Ianya menjadi satu daripada lapan mata pelajaran dalam kurikulum KAFA yang bertujuan memperkasakan pendidikan agama islam dalam setiap individu Muslim yang berumur 7 sehingga 12 tahun (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020). Kurikulum KAFA di Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) dan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) memperuntukkan 90 minit seminggu untuk kelas bahasa Arab dijalankan bersama murid. Oleh yang demikian guru-guru perlu berusaha memastikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dapat dijalankan seoptimum dan semaksima yang mungkin supaya objektif pembelajaran dapat dicapai dengan jayanya. Usaha perlu digemblengkan bagi memastikan guru-guru sentiasa bersedia untuk menjalankan proses PdP bahasa Arab tahun 1 KAFA dengan sumber dan bantu mengajar (BBM) yang terkini. Ianya berikutan pengajaran bahasa Arab di Malaysia mempunyai cabarannya tersendiri berikutan ianya merupakan bahasa asing atau bahasa ketiga di Malaysia. Selain itu, isu keberkesanan kurikulum KAFA yang masih di tahap yang minimum berbanding dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) menjadi isu yang perlu diatasi dengan meningkatkan kemampuan guru-guru KAFA melalui peningkatan sumber serta pengetahuan mereka

dengan pendekatan pengajaran yang terkini iaitu pendekatan pembelajaran interaktif (PPI).

## **PEMBELAJARAN INTERAKTIF**

Pembelajaran interaktif sebagai kaedah pengajaran terkini, bertujuan memastikan komunikasi murid-murid di dalam kelas sentiasa aktif agar objektif pengajaran dapat dicapai selepas proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung tanpa sebarang halangan dan gangguan (Dewi, Zaim & Rozimela, 2022). Melalui pembelajaran interaktif, murid-murid mampu menggunakan semua kelebihan yang ada dalam diri mereka bagi menguasai kandungan pembelajaran yang diajar oleh guru di dalam kelas. Dalam menjalani proses pembelajaran secara interaktif, murid-murid akan berasa seronok dan gembira yang akan mendorong dan meningkatkan motivasi serta semangat mereka untuk mempelajari apa yang diajar oleh guru di dalam kelas (Yusoff, Mahpol & Saad, 2019). Oleh itu, pelaksanaan kaedah ini membawa kepada impak yang positif dalam memastikan murid-murid sentiasa aktif dan bersemangat di dalam kelas terutamanya mereka yang berada di peringkat pendidikan rendah yang sinonim dengan kaedah pembelajaran yang ceria, riang dan menyeronokkan. Hal ini berlaku rentetan elemen keseronokan dan permainan yang wujud amat sinonim dengan mereka dalam memastikan mereka berpeluang menyertai aktiviti pembelajaran di dalam kelas dengan suasana yang gembira dan menyeronokkan.

Perkembangan dunia teknologi kini menjadikan kaedah pembelajaran interaktif satu pendekatan yang menjadi keperluan dalam bidang pendidikan lebih-lebih lagi pendidikan di peringkat rendah. Menurut Che Ibrahim, Mohd Rusli, Shaari, dan Nallaluthan (2021), pembelajaran interaktif merupakan satu kaedah yang boleh digunakan oleh guru dalam meningkatkan kemampuan serta motivasi murid-murid untuk menghadapi aktiviti pembelajaran mereka di dalam kelas walaupun iaanya sukar dan mencabar. Dalam pengajaran bahasa Arab, kebanyakan pelajar daripada pelbagai peringkat pengajian mempunyai tanggapan bahawa bahasa ini merupakan satu mata pelajaran yang sukar (Muhammad, Ramli, Abdul Ghani, Mohamad & Mohd Fauzi, 2021). Ini sekaligus menggambarkan bahawa bahasa Arab menjadi salah satu mata pelajaran yang tidak diminati oleh murid-murid di sekolah rendah akibat tanggapan kekal yang ada pada diri mereka bahawa bahasa Arab merupakan satu mata pelajaran yang susah. Justeru, melalui pendekatan pembelajaran interaktif, murid-murid mampu memahami topik mereka ketika sesi pembelajaran dijalankan (Che Ibrahim, Mohd Rusli, Shaari & Nallaluthan, 2021). Selain itu, rangsangan serta minat yang dipupuk oleh guru-guru melalui aktiviti pembelajaran yang menarik serta memberi impak yang positif dan efektif terhadap proses pengajaran guru dan pembelajaran murid dapat direalisasikan (Admelia, Farhana, Agustiana, Fitri & Nurmalia 2022) dan (Tasripin, Damanhuri & Zaki, 2021).

## **PENDEKATAN PEMBELAJARAN INTERAKTIF**

Pembelajaran interaktif merupakan gabungan daripada beberapa pendekatan terkini yang mencakupi elemen keseronokan dan kegembiraan bertujuan menarik minat murid yang menjadi watak penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas. Menurut Ching dan Nordin (2021), kaedah pembelajaran interaktif digunakan bagi memastikan murid-murid dapat mengikuti pembelajaran secara aktif demi meningkatkan kualiti pendidikan abad ke-21 kini. Seterusnya, gamifikasi yang menjadi sebahagian kaedah pembelajaran berpusatkan murid mempunyai elemen interaktif serta ketertarikan untuk diaplikasikan oleh guru semasa proses PdP bertujuan meningkatkan hasil pembelajaran murid ke arah yang lebih positif (Jasni, Zailani & Zainal, 2018). Dalam kajian ini, pengkaji mengklasifikasikan pembelajaran interaktif kepada beberapa pendekatan pembelajaran terkini yang bersifat interaktif seperti pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran aktif, pembelajaran koperatif dan pembelajaran berasaskan permainan. Kesemua pendekatan ini merupakan kaedah pembelajaran yang menjadi alternatif bagi kaedah pengajaran secara tradisional. Hal ini berikutan pendekatan pembelajaran alternatif boleh digunakan dalam proses pengajaran sebagai satu bentuk pilihan dalam memperbarui kaedah pengajaran secara tradisional kepada kaedah pengajaran yang lebih bersifat terkini dan interaktif. Ini bagi memberi peluang agar aktiviti pengajaran guru dapat dipertingkatkan dan dimajukan dari pelbagai sudut seperti pengetahuan guru, pelaksanaan PdP, tahap keterlibatan dan pencapaian murid di dalam kelas.

Pengaplikasian pembelajaran interaktif ini memerlukan lima elemen iaitu kandungan, murid, teknologi, padagogi dan interaksi (Baldwin & Sabry, 2003). Kelima-lima elemen ini diadaptasi daripada kajian Sabry dan Alshawi (2008) yang menggunakan elemen – elemen tersebut dalam membina dan mengaplikasikan satu bentuk sistem pembelajaran interaktif (ILS). Dalam menyempurnakan proses pengaplikasian kaedah pembelajaran interaktif, guru perlu memahami konsep pengetahuan kandungan, murid, teknologi, pedagogi dan interaksi seperti berikut:

- 1. Kandungan:** Dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (PdP), kandungan pembelajaran murid merupakan satu perkara penting yang perlu diketahui oleh guru sebagai pendidik yang merangkumi pengetahuan mereka dalam pelbagai aspek seperti isi kandungan serta topik pembelajaran murid (Mohd Suhairi & Ahmad, 2017). Shulaman (1986) dalam Chee, Md Nor, Othman dan Abdul Rahman (2018) berpandangan bahawa kandungan pembelajaran merupakan satu pengetahuan berkenaan konsep, kandungan, teori serta prinsip bagi satu subjek yang terdapat dalam kurikulum pembelajaran murid. Kandungan pembelajaran murid ini perlu dikuasai oleh guru-guru dalam bidang serta subjek yang diajar kerana ianya merupakan satu pengetahuan yang menjadi keperluan kepada setiap guru (Nor & Mahamod, 2014) di samping melambangkan tahap keprofesionalisme seorang guru

dalam memastikan keupayaan mereka sebagai pendidik berada di tahap yang baik (Mohd Zakaria, Nik Yusoff, Suo, Abdullah & Ramli, 2016).


- 2. Murid:** Murid berperanan sebagai penerima ilmu yang disampaikan oleh guru. Menurut Yusuf dan Iskandar (2021), murid merupakan individu yang perlu dididik dan dibimbing kerana mereka merupakan individu yang terlibat secara objektif dalam bidang pendidikan. Objektif proses pengajaran guru pula ialah memastikan murid-murid dapat menguasai dan memahami apa yang diajar oleh guru tersebut. Abdul Mujib (2008) menyatakan bahawa murid merupakan orang yang berkeinginan dalam mempelajari ilmu serta merupakan individu penuntut ilmu yang berkewajipan dalam mentaati guru (Mutawalli, 2020). Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) pula mentakrifkan murid sebagai individu pelajar atau penuntut ilmu. Justeru, murid merupakan istilah kepada individu yang berkehendak dan berniat untuk menyertai aktiviti pengajaran guru serta bersedia untuk menerima ilmu yang disampaikan oleh guru mereka. Namun di Malaysia, terdapat perbezaan istilah murid iaitu 'murid' digunakan bagi penuntut ilmu di peringkat pendidikan rendah, 'pelajar' merujuk kepada individu yang sedang belajar di peringkat menengah rendah manakala istilah 'mahasiswa' digunakan bagi penuntut ilmu di pengajian tinggi (Yusuf & Iskandar, 2021).
- 3. Teknologi:** Menurut Arnett (2019), teknologi dalam pendidikan merupakan satu pangkalan yang dicipta bagi membolehkan aktiviti komunikasi atas talian dijalankan sebagai satu kaedah alternatif untuk berinteraksi selain daripada aktiviti komunikasi secara bersemuka. Perkembangan dunia teknologi kini memperuntukkan banyak kemudahan yang boleh digunakan bagi memudahkan aktiviti pengajaran guru secara atas talian seperti Google Meet, Zoom, Webex, Telegram dan Whatsapp. Kesemua kemudahan ini merupakan antara salah satu bentuk pemesatan dan perkembangan teknologi yang telah digunakan dalam bidang pendidikan pada masa kini. Teknologi secara dasarnya merangkumi penggunaan multimedia seperti audio, video, animasi dan grafik, teknologi digital dan permainan atas talian aplikasi atas talian. Menurut Mohid, Ramli, Abdul Rahman dan Shahabudin (2018), permainan atas talian merupakan antara bentuk teknologi yang menjadi tumpuan dan keperluan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah, antaranya ialah Canva, Kahoot, Quizizz, Mentee dan Google Classroom serta ICT (Information and Communication Technology) seperti komputer, komputer riba dan internet (Umar & Jamiat, 2011) termasuklah slaid, projektor dan perisian komputer. Koehler, Greenhalgh, Rosenberg dan Keenan (2017) menyatakan bahawa teknologi merupakan satu keperluan dalam proses pengajaran bagi bidang pendidikan supaya tahap keberkesanan yang tinggi dapat dicapai. Hal ini berikutan penggunaan teknologi dilihat dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran guru sekaligus

memastikan objektif pengajaran lebih mudah untuk dicapai semaksima yang boleh (Aguinaldo, 2016).

- 4. Pedagogi:** Pedagogi merupakan kaedah menginterpretasikan dan menyusun aktiviti pengajaran mereka supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersama murid berjalan secara tersusun dan efektif (Veal & Makinster, 1999). Menurut Mahamod dan Nor (2014), pedagogi merupakan pengetahuan berkenaan strategi pengajaran yang perlu diketahui oleh guru bagi merancang aktiviti pembelajaran yang terbaik dan berkesan untuk murid-murid. Dalam pengetahuan mengenai pedagogi, guru-guru perlu menguasai ilmu berkenaan strategi, kaedah serta pendekatan pengajaran supaya proses mengadaptasi aktiviti pengajaran di dalam kelas dapat dijalankan dengan lebih baik (Purwianingsih, Rustaman & Redjeki 2010). Menurut Chee, Md Nor, Othman dan Abdul Rahman (2018), pedagogi merupakan pengetahuan wajib bagi setiap guru berkenaan bagaimana aktiviti pengajaran di dalam kelas dapat dijalankan dengan lebih mudah dan efektif melalui strategi, teknik, pendekataan dan rancangan yang perlu dipilih dan disusun secara teliti. Hal ini demikian bagi memastikan ilmu yang disampaikan dapat diterima dan difahamkan oleh murid-murid dengan cara yang terbaik dan lebih mudah.
  
- 5. Interaksi:** Dalam proses pengajaran, interaksi secara lisan perlu dikuasai oleh guru bagi urusan penyampaian ilmu dan maklumat pembelajaran yang berlaku antara penutur dan pendengar (Lateh & Othman, 2014). Dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, guru-guru perlu menjalankan aktiviti yang berfokus kepada interaksi dua hala antara guru dan murid. Hal ini berikutan, dalam pelaksanaan kaedah pembelajaran terkini, komunikasi dua hala amat dititikberatkan bagi memastikan kelancaran proses penyampaian serta penerimaan maklumat yang mengharuskan guru dan murid untuk berperanan sebagai penutur dan pendengar (Aminuddin, Md. Sabil & Jamian, 2020). Interaksi secara dua hala ini perlu diamalkan oleh guru semasa proses pengajaran berlangsung bagi mengelak hal-hal seperti salah faham akibat maklumat tidak sampai kepada murid secara menyeluruh dan murid tidak mampu untuk menguasai ilmu yang disampaikan akibat tidak berpeluang untuk bertanya, memahami dan mengikuti aktiviti pengajaran guru secara optimum (Jamian, Othman & Ishak, 2013). Dalam berinteraksi dengan murid di dalam kelas, guru-guru perlu menitik beratkan tentang intonasi suara yang perlu bernada dan menarik (Mohd Noor, Jasmi & A Shukor, 2014), gaya percakapan yang berbudi bahasa (Sariyan, 2007) serta bahasa badan yang menarik dan tidak kaku.

Kelima-lima konsep ini juga dilihat menjadi keperluan asas dalam memastikan

guru dapat mengaplikasikan kaedah pembelajaran interaktif secara optimum dan efektif. Rajah 1 di bawah merujuk kepada hubungan antara lima konsep asas bagi menjalankan kaedah pembelajaran interaktif di dalam kelas.



**Rajah 1.** Keperluan Asas Pengaplikasian Pendekatan Pembelajaran Interaktif  
(Adaptasi daripada Chee, Md Nor, Othman & Abdul Rahman, 2018)

Berdasarkan rajah di atas, kandungan, pedagogi serta teknologi merupakan pengetahuan yang perlu dikuasai oleh guru untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran interaktif bersama murid di dalam kelas. Tiga aspek pengetahuan tersebut merupakan satu kemestian bagi melahirkan guru yang cemerlang dalam bidang pengajaran murid di sekolah (Blackwell, Lauricella & Wartella, 2016). Proses pembelajaran interaktif juga memerlukan interaksi antara guru dan murid secara dua hala supaya aktiviti pembelajaran interaktif dapat dijalankan dengan jayanya tanpa halangan yang wujud samada daripada pihak guru atau murid seperti ketidaksampaian maklumat (Aminuddin, Md. Sabil & Jamian, 2020), murid tidak memberi kerjasama yang baik (Mahamod & Lim, 2011), ketidak-sediaan guru dalam mengendalikan aktiviti pembelajaran murid dan sebagainya.

## PENDEKATAN PEMBELAJARAN INTERAKTIF DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Mujadilah (2020) menyatakan bahawa kaedah interaktif dapat memberi kesan yang baik terhadap aktiviti pembelajaran bahasa Arab terhadap golongan penutur bukan jati. Kajian ini memfokuskan kepada kaedah pembelajaran kooperatif dalam pendekatan pembelajaran interaktif. Singh, Singh, Ong dan Bee Abdullah (2019) turut menjalankan kajian berkenaan modul pembelajaran interaktif berfokuskan kaedah pembelajaran koperatif terhadap pelajar universiti. Melalui kajian Singh et al. (2020), pembelajaran interaktif berpendekatan kooperatif ini dapat membantu

meningkatkan penyertaan pelajar dalam aktiviti pembelajaran yang berfokus kepada subjek bahasa Inggeris.

Kaedah pembelajaran interaktif relevan digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab untuk meningkatkan penguasaan murid sekaligus memastikan objektif pengajaran dapat dicapai dengan baik (Zulkifli, Jamali, Iksan & Ismail, 2018). Kajian Abdul Ghani et al. (2019) juga mendapati bahawa penguasaan dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab dapat ditingkatkan melalui laman web E-AlMunawwar yang merupakan bahan bantu mengajar (BBM) bersifat interaktif. Salsidu, Azman dan Pratama (2018) dalam kajiannya juga turut menggunakan BBM berbentuk multimedia interaktif bagi subjek teknikal bertujuan memastikan murid-murid mudah memahami isi kandungan pembelajaran mereka.

Seterusnya, Abdul Sukor, Abdul Aziz, Harmiruslin Supian dan Md Din (2020) dalam kajian mereka mendapati bahawa BBM interaktif dapat membantu murid-murid untuk menguasai huruf-huruf Arab dengan lebih efektif dan mudah. Abdul Hamid et al. (2024) dalam kajiannya berkenaan pembangunan laman web interaktif pula mendapati bahawa pelajar lebih menyukai kaedah, aktiviti serta bahan yang bersifat interaktif berikutan ianya dapat menjadikan aktiviti pembelajaran lebih menyeronokkan dan menarik. Kepelbagaiannya bahan pembelajaran interaktif seperti modul, laman web serta aplikasi ini dapat digunakan bagi melaksanakan aktiviti pembelajaran interaktif di dalam kelas. Oleh yang demikian, aktiviti pembelajaran dapat berjalan dengan lebih efektif dan efisien.

Dalam pengajaran bahasa Arab, kesesuaian penggunaan interaktif bukan sahaja bertumpu kepada murid yang bijak pandai (Islaieh, Mohd Jailani, Zainuddin, Wan Kamaruddin & Zakaria, 2020) tetapi kaedah juga turut sesuai digunakan terhadap murid yang kurang menguasai dan meminati bahasa Arab (Abdul Hamid et al., 2024). Hal ini demikian kerana kaedah ini mampu menjadi satu kaedah alternatif dalam usaha meningkatkan prestasi serta minat murid untuk mempelajari subjek-subjek tertentu yang dipelajari di sekolah (Harsiwi & Arini, 2020).

Melalui tinjauan kajian lepas berkaitan penggunaan pembelajaran interaktif, pelbagai kajian dijalankan dengan fokus dan tujuan yang berbeza-beza berdasarkan tahap pendidikan serta kaedah yang berbeza. Jadual 1.0 menunjukkan kajian-kajian lepas terhadap penggunaan pembelajaran interaktif terhadap pembelajaran bahasa Arab di pelbagai peringkat pengajaran.

**Jadual 1. Kajian Penggunaan Pembelajaran Interaktif di Pelbagai Peringkat Pengajaran**

| Tajuk Kajian (Nama Pengkaji, Tahun)   | Fokus Kajian                         | Sumbangan  |
|---|--------------------------------------|--|
| Teori Interaktif dalam Pembelajaran Bahasa Kedua serta Manfaatnya dalam Pengajaran Bahasa | Pelajar bahasa Arab kategori penutur | - Kajian berdasarkan analisis dokumen kepustakaan ini menyatakan bahawa kaedah interaktif merupakan satu kaedah alternatif dan relevan untuk digunakan dalam pengajaran bahasa |

|   |  |  |
|---|--|--|
| Arab dalam Kalangan Penutur Bukan Jati (Saufa, 2020)  | bukan jati                                     | Arab terhadap golongan penutur bukan jati.<br>- Kaedah interaktif seperti pembelajaran kooperatif yang sesuai dengan pembelajaran bahasa Arab.   |
| Pembangunan Modul Pembelajaran Interaktif Berasaskan Kaedah Pembelajaran Koperatif untuk Meningkatkan Kemahiran Bertutur dalam Kalangan Pelajar Siswazah (Singh, Singh, Ong & Bee Abdullah, 2020)   | Pelajar siswazah di peringkat pengajian tinggi | - Hasil kajian mendapati, para pelajar lebih bersikap terbuka untuk bertutur dalam bahasa Inggeris bersama rakan-rakan.<br>- Sikap keterbukaan pelajar yang ditunjukkan dalam pengajaran bahasa Inggeris menggunakan pendekatan pembelajaran interaktif dapat meningkatkan kosa kata sekaligus memberi kesan yang positif terhadap kemahiran bertutur mereka.                          |
| Modul Pengajaran dan Pembelajaran Interaktif Bahasa Arab di Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS) (Zulkifli, Jamali, Iksan & Ismail, 2018)  | Peserta di Pusat Bahasa Arab                   | - Modul bahasa Arab menggunakan pendekatan interaktif dibina berfokus kepada aktiviti nyanyian serta aktiviti pembelajaran kendiri dan berkumpulan yang bersifat interaktif.<br>- Pembelajaran interaktif sesuai dengan pelbagai latar belakang peserta PBAS dalam usaha menguasai 4 kemahiran berbahasa Arab dengan mudah dan efektif.  |
| Analisis Keperluan Untuk Pembangunan Modul Infografik Interaktif Berasaskan Laman Web dalam Pembelajaran Tatabahasa Arab (Abdul Hamid, Sahrir, Ab. Halim, Yahaya, Nasir, Sha'ari & Amiruddin, 2024) | Pelajar siswazah di peringkat pengajian tinggi | - Kajian ini mendapati modul infografik bersifat interaktif mampu melahirkan pemikiran kreatif dalam kalangan pelajar.<br>- Pembelajaran interaktif meningkatkan fokus, motivasi serta kefahaman pelajar dalam aktiviti pembelajaran bahasa Arab.<br>- Aktiviti pembelajaran interaktif digunakan dalam menjadikan aktiviti pembelajaran bahasa Arab lebih mudah, seronok dan efektif. |
| Platform Atas Talian Berbentuk Interaktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa  | Pelajar pintar di peringkat pendidikan         | - Modul bahasa Arab menggunakan pendekatan interaktif dibina berfokus kepada aktiviti nyanyian serta aktiviti pembelajaran kendiri dan berkumpulan   |

|  |                                      |   |
|--|--------------------------------------|---|
| Arab untuk Pelajar Pintar menengah (Islaieh, Mohd Jailani, Zainuddin, Wan Kamaruddin & Zakaria, 2020)                                  |                                      | yang bersifat interaktif.<br>- Modul Interaktif yang dibina sesuai dengan pelbagai latar belakang peserta PBAS dalam usaha menguasai 4 kemahiran berbahasa Arab dengan mudah dan efektif.   |
| Pengaruh Pembelajaran Menggunakan Media Pembelajaran Interaktif terhadap Hasil Belajar siswa di Sekolah Dasar ((Harsiwi & Arini, 2020) | Murid di peringkat pendidikan rendah | - Ujian pasca dalam kalangan murid Sekolah Dasar menunjukkan pembelajaran interaktif mampu meningkatkan prestasi akademik murid.<br>- Media interaktif seperti video mampu menjadikan murid lebih berminat terhadap aktiviti pengajaran guru. |

## KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

Kaedah pembelajaran interaktif merupakan satu kaedah pengajaran masa kini yang bertentangan dengan kaedah pengajaran secara tradisional (Sankaran & Saad, 2019) yang lebih mengutamakan fungsi guru dalam aktiviti pembelajaran murid. Pembelajaran interaktif ini sememangnya mempunyai elemen-elemen seperti audio, animasi, grafik, gambar dan video (Salsidu, Azman & Pratama, 2018) yang mampu menarik perhatian dan fokus murid-murid terhadap pengajaran guru di dalam kelas. Melalui pengaplikasian pembelajaran interaktif, guru-guru dapat memastikan pengajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan (Silver & Perini, 2010) serta melancarkan interaksi dan komunikasi dua hala antara guru (Sankaran & Saad, 2019). Oleh yang demikian, aktiviti pembelajaran murid dapat berjalan dengan lebih positif dan efektif.

## RUJUKAN

- Abdul Ghani, M. T., Wan Daud, W. A. A., Amiruddin, A. Z., Abdul Rahman, A., Hassan, A. T., Abdul Hai, A., & Abdul Rahman, N. (2019). The effectiveness of e-Almunawwar as an interactive tool for learning Arabic Language in Universiti Malaysia Kelantan. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business* (HLCB), 3(11), 9-19.
- Abdul Hamid, M. F., Sahrir, M. S., Ab. Halim, Z., Yahaya, M. F., Nasir, M. S., Sha'ari, S. H., & Amiruddin, A. Z. (2024). Needs analysis for the development of website-based interactive infographic modules in Arabic grammar learning. *Ijaz Arabi Journal of Arabic Learning*, 7(1).
- Abdul Mujib. 2008. *Ilmu pendidikan Islam*. Jakarta: Kencana, h. 104.
- Abdul Shukor, F. S., Abdul Aziz, R., Supian, S. H., & Md Din, N. (2020). Let's Simmatch:

- An interactive and fun method in learning Arabic (Hija'yyah) letters: Jom SIMMATCH: Kaedah menarik dan interaktif untuk pembelajaran huruf hijaiyah Bahasa Arab. ATTARBAWIY: *Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 125–134.
- Aguinaldo, B. E. (2016). Developing and applying TPACK for a blended learning environment: A rural higher education experience in the Philippines. *Countryside Development Research Journal*, 4(01), 27-35.
- Aminuddin, Z. N. L., Md. Sabil, A., & Jamian, A. R. (2020). Teknik interaksi lisan dalam pengajaran kursus Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru (IPG): Oral interaction techniques in teaching Malay language courses in teacher education institute. *PENDETA*, 11(2), 18–32.
- Arnett, T. (2019). Tech unlocks teachers' capacity. *The Learning Professional*, 40(4), 32-35.
- Baldwin, L., & Sabry, K. (2003). Learning styles for interactive learning systems. *Innovations in Education and Teaching International*, 40(4), 325-340.
- Blackwell, C. K., Lauricella, A. R., & Wartella E. (2016). The influence of TPACK contextual factors on early childhood educators' tablet computer use. *Computers & Education*, 98, 57-69. doi:10.1016/j.compedu.2016.02.010.
- Chee, J., Md Nor, M., Othman, A. J., & Abdul Rahman, M. N. (2018). Isu Pengetahuan kandungan, pedagogi dan eknologi dalam kalangan guru prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(1), 7-21.
- Ching, M. C. H., & Nordin, N. M. (2021). Penilaian terhadap permainan interaktif didik hibur dalam pembelajaran tatabahasa Bahasa Melayu sekolah rendah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 9(2), 18-25.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewi, Y. N., Zaim, M., & Rozimela, Y. (2022). Interactive learning using e-learning module in learning English for senior high school: A review of related articles. *JELITA: Journal of Education, Language Innovation, and Applied Linguistics*, 1(2), 125-134.
- Harswi, U. B., & Arini, L. D. D. (2020). Pengaruh pembelajaran menggunakan media pembelajaran interaktif terhadap hasil belajar siswa di Sekolah Dasar. *Jurnal Basicedu*, 4(4), 1104–1113. <https://doi.org/10.31004/basicedu.v4i4.505>

- Islaieh, A. I. S., Mohd Jailani, M. R., Zainuddin, N., Wan Kamaruddin, W. A. Z., & Zakaria, Z. (2020). Illeinitiative: Interactive online platform in teaching and learning Arabic for gifted students. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(6), 1317-1328.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), B. P. (2020). *Kurikulum kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) 2.0 (Edisi Kedua)*. Bahagian Pendidikan Islam, JAKIM.
- Jamian, A. R, Othman, S. & Ishak, S. (2013) Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 3, Bil. 1 (Mei 2013): 42-51.
- Jasni, S. R., Zailani, S., & Zainal, H. (2018). Pendekatan gamifikasi dalam pembelajaran Bahasa Arab: Gamification approach in learning Arabic language. *Journal of Fatwa Management and Research*, 358-367.
- Koehler, M., Greenhalgh, S., Rosenberg, J., & Keenan, S. (2017). What the tech is going on with teachers? Digital teaching portfolios? Using the TPACK framework to analyze teacher? Technological understanding. *Journal of Technology and Teacher Education*, 25(1), 31-59.
- Lateh, G. & Othman, S. (2014), Tinjauan interaksi lisan Bahasa Melayu dalam kalangan remaja dari sudut etnografi komunikasi, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPN)*, ISSN:2180-4882, Vol4: Bil 1 (Mei 2014)
- Mahamod, Z., & Lim, N. R. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 51-65.
- Mohd Noor, A. F. & Jasmi, K. A. & A Shukor, K. (2014). Elemen kemahiran pensyarah cemerlang Pendidikan Islam di Politeknik premier: Satu kajian rintis. *The Online Journal of Islamic Education*. 2. 96-106.
- Mohd Suhairi, M. H., & Ahmad, A. (2017, April). Pengaruh pengetahuan isi kandungan terhadap aplikasi pengajaran yang berkesan dalam kalangan guru-guru sejarah.
- Mujadilah, Saufa. "النظريّة التفاعليّة في تعلُّم اللغة الثانِيّة والاستفادة منها في تعليم اللغة العربيّة "للناطقين بغيرها." Rayah Al-Islam, vol. 3, no. 02, 28 Oct. 2019, doi:10.37274/rais.v3i02.61.
- Mutawalli, A. (2020). Adab murid terhadap guru dan temannya menurut pemikiran

Imam Al-Ghazali (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan).

Nor, M., & Mahamod, Z. (2014). Penterjemahan pengetahuan pedagogi kandungan dalam proses tindakan guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman bukan opsyen. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 37-49.

Prince, M. (2004). Does active learning work? A review of the research. *Journal of engineering education*, 93(3), 223-231.

Purwianingsih, W., Rustaman, N. Y., & Redjeki, S. (2010). Pengetahuan konten pedagogi (PCK) dan urgensinya dalam pendidikan guru. *Jurnal Pengajaran MIPA*, 15(2), 87-94.

Sabry, K & S. Alshawi (2008). Information systems for higher education: interactive design perspective. *Transforming Government: People, Process and Policy*, 3(2), 163-180.

Salsidu, S. Z., Azman, M. N. A., & Pratama, H. (2018). Trend pembelajaran menggunakan multimedia interaktif dalam bidang pendidikan teknikal: Satu sorotan literatur. *Sains Humanika*, 10(3).

Sankaran, S., & Saad, N. (2019). Pembelajaran mod teradun berasaskan modul interactive lecture dalam kalangan [elajar (Blended learning mode based on interactive lecture module among students)]. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 22, 1-19.

Sariyan, A. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Silver, H. F., & Perini, M. J. (2010). The interactive lecture: How to engage students, build memory, and deepen comprehension. ASCD.

Singh, C. K. S., Singh, T. S. M., Ong, E. T., & Bee Abdullah, M. S. H. (2019). Developing a cooperative interactive learning module for improving speaking skills of graduate students. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering*, 8(7), 420-425.

Suhairi, M. H. M., & Ahmad, A. (2017, April). Pengaruh pengetahuan isi kandungan terhadap aplikasi pengajaran yang berkesan dalam kalangan guru-guru sejarah. In *International Conference on Global Education V,'Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity'*. Universitas Eka Sakti, Padang (pp. 10-11).

- Umar, I. N. & Jamiat, N. (2011). Pola penyelidikan ICT dalam pendidikan guru di Malaysia: Analisis prosiding teknologi pendidikan Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 26 (1), 1-14.
- Veal, W. R., & MaKinster, J. G. (1999). Pedagogical content knowledge taxonomies. *The Electronic Journal for Research in Science & Mathematics Education*.
- Yuliantaningrum, L., & Sunarti, T. (2020). Pengembangan instrumen soal hots untuk mengukur keterampilan berpikir kritis, berpikir kreatif, dan pemecahan masalah materi gerak lurus pada peserta didik sma. *Inovasi Pendidikan Fisika*, 9(2), 76-82.
- Yusoff, M. S. A., Mahpol, S., & Saad, M. L. M. (2019). Kesediaan pelajar terhadap penggunaan aplikasi Kahoot! Dalam pembelajaran Bahasa Arab. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(2), 35-50.
- Yusuf, I., & Iskandar, I. (2021). Guru Dan Murid Dalam Persektif Al Qur'an Dan Hadits. *MUSHAF JOURNAL: Jurnal Ilmu Al Quran dan Hadis*, 1(1), 119-130.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan cabaran. 12(1), 47–57.
- Zainol Abidin, R., Md Zain, A., & Hamzah, M. H. (2017). Permasalahan dalam perlaksanaan program kelas Al-Quran dan fardu ain (Kafa) di daerah Pendang Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 2(6). [www.jised.com](http://www.jised.com)
- Zakaria, Z. M., Yusoff, N. M. R. N., Mei, F. S. Y., Abdullah, M. H., & Rami, S. (2016). Pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) guru bahasa Arab sebutan konsonan Arab: Kajian kes di Sekolah Rendah. *Journal Global Busniess and Social Entrepreneurship*, 2, 122-138.
- Zulkifli, M. S., Jamali, H. N., Iksan, H., & Ismail, H. A. (2018). Modul pengajaran dan pembelajaran interaktif Bahasa Arab di Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(1), 128–137.